

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30 NOVEMBER 2016

Najib lancar buku kajian wanita muda

KUALA LUMPUR 29 Nov. - Wanita muda di Malaysia percaya Ketua Puteri UMNO telah memperjuangkan hak-hak dan suara golongan itu, namun berharap pergerakan itu lebih kerap turun padang supaya manfaat dan peranan mereka lebih diketahui.

Pandangan itu adalah hasil Kajian Wanita Muda Kebangsaan yang dijalankan terhadap 2,485 responden terdiri daripada pelbagai kaum selama tiga bulan bermula Ogos lalu dan telah diterbitkan dalam buku bertajuk Persepsi dan Harapan Wanita Muda Malaysia.

Buku yang buat julung kali dihasilkan oleh Puteri UMNO sempena 15 tahun penubuhannya adalah setebal 269 muka surat dan dilancarkan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun



Buku itu mendedahkan, golongan muda merujuk kepada media sosial apabila ingin mengetahui mengenai politik semasa, oleh itu Puteri UMNO perlu menggunakan media sosial sebagai wadah untuk mendekati golongan itu seterusnya memperkasa golongan wanita."

Razak di Anjung Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Turut hadir Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Za-

UM - 30/11/2016

hid Hamidi dan Naib Ketua Puteri UMNO, Datuk Zahida Zariq Khan. Buku tersebut merupakan cetusan idea Ketua Puteri UMNO, Datuk Mas Ermieyati Samsuddin dan 90 peratus daripada 2,485 responden bukan terdiri daripada ahli pergerakan itu.

Buku itu mendedahkan, golongan muda merujuk kepada media sosial apabila ingin mengetahui mengenai politik semasa, oleh itu Puteri UMNO perlu menggunakan media sosial sebagai wadah untuk mendekati golongan itu seterusnya memperkasa golongan wanita.

Pergerakan itu turut mengusulkan beberapa cadangan yang relevan dalam menangani persepsi terhadap mereka terutama dalam aspek politik, ekonomi dan sosio-politik.